

PERTUMBUHAN EKONOMI SARAWAK, 1824-1941

D.S. Ranjit Singh

Pengenalan – Beberapa Persoalan Historiografi

Sebelum kita mengkaji pertumbuhan ekonomi di Sarawak dari 1824 sehingga 1941 secara mendalam, beberapa perkara historiografi terpaksa diperbahaskan dan dijelaskan supaya kita memperolehi satu kerangka (*framework*) yang sempurna.

Faktor-faktor Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi Di Sarawak, 1824-1941

Isu pertama yang harus kita memberi perhatian adalah faktor-faktor yang mempengaruhi corak dan arah perkembangan ekonomi di Sarawak dalam jangka masa tersebut. Sudah tentunya, satu daripada faktor yang penting adalah keadaan semula jadi dan geografi. Faktor ini menentukan corak penempatan masyarakat, aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh mereka, taburan penduduk, bahan-bahan mentah dan galian yang diperolehi, dan sistem komunikasi yang muncul.

Faktor yang kedua adalah keadaan masyarakat tempatan sebelum Sarawak dikuasai oleh pihak Barat. Ini termasuklah pengetahuan

tentang komuniti-komuniti yang ada di Sarawak, pola-pola dan sistem ekonomi yang terdapat dan sistem perdagangan yang dijalankan. Adalah sukar bagi penyelidik untuk memahami perubahan-perubahan yang berlaku kemudiannya, semasa pemerintahan pihak Barat, tanpa mempunyai latarbelakang yang lengkap tentang sistem-sistem tradisional. Masalah atau perkara ini merupakan kelemahan yang amat ketara dalam pensejarahan Sarawak di mana hampir kesemua buku-buku sejarah Sarawak bermula dengan tahun 1841.¹

Bagi jangkamasa yang menjadi tumpuan kajian kertas ini, kita harus juga sedar bahawa pertumbuhan ekonomi pada masa tersebut tidak dapat dipisahkan dari dua perkembangan yang maha penting dalam sejarah Sarawak iaitu: pertama, tahap ini merupakan satu zaman di mana Negeri Sarawak moden dibentuk dan ditubuhkan; dan kedua pembentukan Sarawak moden adalah penciptaan dinasti Brooke secara kasarnya. Oleh yang demikian pertumbuhan ekonomi pada masa ini telah banyak dipengaruhi oleh falsafah dan dasar-dasar raja-raja Brooke (1841-1946) dan juga perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang politik, pertukaran wilayah dan pergolakan dalam masyarakat. Misalnya, dasar ekspansionisme raja-raja Brooke bukan sahaja menambah kawasan Sarawak dari Bahagian Pertama (Sarawak asal) sehingga Bahagian Kelima, tetapi perluasan kawasan ini bermakna ekonomi Sarawak juga mengambil wajah yang baru, dengan tambahnya penduduk baru, hasil-hasil baru dan perdagangan yang lebih luas.

Dasar-dasar Brooke bukan sahaja menetapkan satu corak ekonomi yang baru, tetapi dari satu segi yang lain pula, melahirkan, secara tidak langsung, dilektik, tindakbalas dan dinamisme tempatan yang dengan sendirinya membawa perubahan-perubahan yang berlainan. Misalnya, Raja Charles Brooke, (1868-1917) raja putih yang kedua, telah menggalakkan kemasukan imigran Cina secara besar-besaran bermula pada tahun-tahun 1880-an dengan tujuan supaya mereka akan memajukan penanaman padi kerana Sarawak mengalami kekurangan beras. Charles juga telah aturkan satu sistem pembahagian masyarakat di mana tiap-tiap komuniti yang besar diberi peranan yang tertentu. Orang Melayu, khasnya Kelas Perabangan, diberi peranan istimewa dalam politik dan pentadbiran; orang Iban diberi peranan khas dalam

bidang militari dan keselamatan; dan orang Cina ditugaskan untuk membangun ekonomi.

Tetapi dileklik tempatan telah menembusi struktur yang rigid ini. Orang Cina lebih tertarik kepada tanaman-tanaman komersial seperti lada, gambir dan getah dan mengabaikan penanaman padi. Kesannya Sarawak masih kekurangan beras dan terpaksa mengimport lebih banyak beras tiap-tiap tahun oleh kerana bilangan penduduk bertambah tahun demi tahun. Sebahagian besar dari komuniti Melayu dan Iban khasnya di Bahagian Kedua, juga telah menanam getah sebagai pekebun-pekebun kecil. Keterlibatan masyarakat Bumiputra dalam ekonomi komersial, bukan sahaja tidak disangka oleh raja-raja Brooke, tetapi perkembangan tersebut membawa kepada tindakbalas mereka terhadap dominasi ekonomi oleh orang Cina dan kemasukan imigran Cina yang tidak disekat. Isu ini dibayangkan pada tahun-tahun 1930-an semasa kesedaran nasionalisme etnik muncul di kalangan masyarakat Melayu. Orang Iban pula mengutarakan tentangan mereka dengan penubuhan *The Dayaks Co-operative Society* pada tahun 1941 untuk memasarkan getah mereka secara terus dan menghentikan eksloitasi pedagang tengah Cina.²

Selain daripada faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas, perkembangan-perkembangan luaran juga telah memainkan peranan yang amat penting ke atas pertumbuhan ekonomi di Sarawak. Kemunculan Singapura sebagai sebuah pelabuhan bebas dan sebuah emporium yang penting di rantau ini pada kurun ke-19 telah membawa kesan yang nyata terhadap ekonomi Sarawak. Pada tahap yang dibincangkan, Singapura telah menjadi emporium utama bagi bahan-bahan eksport dan import Sarawak serta pusat bagi kemasukan imigran Cina, dan punca kemasukan kapitalis dan syarikat Cina dan Barat ke Sarawak.

Pengenalan tanaman komersial baru, iaitu getah dan kaitan harga getah dengan pasaran antarabangsa telah menentukan nasib sebilangan besar penduduk Sarawak semasa "boom" dan kemelesetan dunia.

Isu “Centrivity”

Isu lain yang terpaksa kita memberi perhatian adalah “centrivity”. Boleh dikatakan bahawa setakat ini rakaman dan penulisan tentang pertumbuhan ekonomi di Sarawak banyak memberi tumpuan kepada dua perkara: dasar-dasar dan falsafah ekonomi Brooke dan keterlibatan orang Cina dalam bidang tersebut. Jarang sekali kita dapat pensejarahan tentang perkembangan dan peranan bumiputra dalam bidang ini.³ Pada hemat saya, kedua-dua komponen ini adalah penting dan adalah menjadi tugas sejarawan untuk menggabung kedua-duanya supaya mendapat satu gambaran yang lebih sempurna dan “holistic”.

Tafsiran

Isu yang tidak kurang penting adalah mengenai tafsiran. Di sini terdapat dua aliran pandangan. Pendapat yang diutarakan oleh beberapa sejarawan selama ini ialah raja-raja Brooke menjalankan dasar “anti-capitalist enterprise” dan tidak membentarkan kemasukan kapitalis Barat secara bebas atau secara besar-besaran. Raja-raja Brooke mendakwa dasar dan falsafah ini diamalkan untuk melindungi masyarakat tempatan dari eksloitasi kapitalis Barat kerana mereka memerintah Sarawak di bawah sebuah “Amanah”. Kesan daripada dasar-dasar ini, enterprise kapitalis tidak menjadi ulung dalam perkembangan ekonomi Sarawak; hanya syarikat-syarikat yang tertentu sahaja dibenarkan menjalankan kegiatan mengikut keadaan dan keperluan; estet-estet besar tidak muncul di Sarawak; penanaman adalah berdasarkan pekebun-pekebun kecil; imigran-imigran bukanlah merupakan buruh-buruh tetapi peneroka pertanian; dan kemajuan ekonomi Sarawak adalah jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan tanah jajahan Barat yang lain.⁴

Tafsiran ini mula dipertikaikan oleh beberapa sejarawan baru yang mengutarkan pendapat bahawa sebenarnya raja-raja Brooke telah bergantung kepada kapitalis Barat seperti Borneo Company dan Sarawak Oil Company yang diberi peranan istimewa dan hak monopol dalam bidang-bidang yang tertentu. Ramai daripada imigran Cina dikatakan bekerja sebagai buruh-buruh bergaji di lombong-lombong, estet-estet dan perusahaan Syarikat Barat yang tersebut.⁵ Sama ada

tafsiran yang pertama atau kedua itu lebih benar hanya dapat ditentukan selepas kajian-kajian yang lebih mendalam dihasilkan. Saya rasa pendapat kedua mungkin akan lebih meyakinkan sekiranya kegiatan orang Cina yang berjaya membuka perusahaan secara besar-besaran juga ditafsirkan sebagai enterprise kapitalis, walaupun mereka adalah kapitalis timur!⁶

Pertumbuhan Ekonomi, 1824-1941

Perkembangan ekonomi di Sarawak dari 1824-1941 boleh dibahagikan kepada beberapa tahap penting mengikut ciri-ciri tertentu. Tahap pertama adalah dari tahun-tahun 1824 sehingga 1880; tahap kedua dari 1880 sehingga 1910 dan tahap ketiga dari 1910 sehingga 1941.

Tahap Ekonomi Tradisional 1824-1880

Pola-pola dan Ciri Utama Tahap Ini

Perkembangan ekonomi pada tahap ini banyak dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa politik dan oleh yang demikian, perkembangannya tidak tentu hala. Peristiwa-peristiwa politik tersebut termasuklah berlakunya pemberontakan di Sarawak bermula dari tahun-tahun 1836 sehingga 1840, penyerahan Sarawak kepada James Brooke 1846, pemberontakan Cina pada tahun 1857, ekspedisi-ekspedisi militari Brooke terhadap orang Iban, ekspansionisme Brooke, dan pembentukan Sarawak Moden.⁷ Dasar-dasar raja-raja Brooke pada masa ini (James Brooke 1846-1868 dan Charles Brooke 1868-1917) ialah cuba bergantung kepada ekonomi tradisional dengan memperluaskan kawasan dan mempertingkatkan kegiatan ekonomi komuniti bumiputra. Ekonomi tradisional di sini bermaksud kegiatan ekonomi yang telah dijalankan oleh komuniti-komuniti tempatan turun menurun tanpa menggunakan cara pengeluaran kapitalis (*non-capitalist mode of production*).

Walaupun secara amnya raja-raja Brooke mengamalkan dasar anti-kapitalis Barat pada tahap ini, mereka membenarkan kemasukan kapitalis Barat secara terhad, seperti Borneo Company. Borneo Company telah ditubuhkan pada tahun 1856 dan telah diberi monopolii

dalam perlombongan antimoni, emas, dan arang batu. Syarikat ini juga mencebur diri dalam ekonomi tradisional seperti industri sagu dan hasil hutan.⁸ Tetapi usaha-usaha Brooke ini tidak begitu berjaya. Ekonomi Sarawak tidak berkembang dengan pesat, terdapat terlalu banyak kegagalan dan raja-raja Brooke terpaksa meminjam wang daripada individu-individu tertentu dan juga dari Borneo Company yang sendiri telah hampir-hampir menjadi muflis.⁹

Selain daripada kemasukan kapitalis Barat dalam ekonomi Sarawak secara terhad pada zaman ini, orang Cina juga telah memainkan peranan yang penting dalam perlombongan emas di Bau dari tahun-tahun 1820-an sehingga 1857. Kecuali dua perkembangan ini iaitu kemasukan kapitalis Barat secara terhad dan kegiatan Kongsi Cina di lombong-lombong emas di Bau, kegiatan ekonomi tradisional menjadi dominan pada tahap ini di mana industri-industri turun-menurun diusahakan oleh bumiputra secara sistem pengeluaran bukan kapitalis. Dalam sistem ekonomi ini orang Melayu mendominasi perdagangan sebagai “collectors”, “distributers” dan “shippers”. Tetapi oleh kerana kaedah mereka masih tradisional, dan tidak berkembang menjadi kapitalis, peranan mereka beransur-ansur diambil alih oleh orang Cina pada penghujung abad ke-19. Di bawah dibincangkan perkembangan beberapa industri ekonomi yang penting pada tahap ini.

Perlombongan Antimoni

Nasib Sarawak asal pada tahun-tahun 1820-an dan 1830-an ditentukan oleh beberapa perkembangan baru. Sebelum ini, Sarawak asal, yang merupakan satu daripada jajahan Kesultanan Brunei, ditadbir secara tidak langsung di mana pembesar-pembesar Melayu tempatan seperti Datuk Patinggi, Datuk Temenggung dan Datuk Bandar diberi kuasa untuk menjalankan pentadbiran. Pada tahun-tahun 1820-an dan 1830-an, Sarawak mula menjadi kaya oleh kerana antimoni dijumpai di Bau pada 1824.¹⁰ Antimoni dikerjakan oleh orang Dayak Darat (Orang Bidayuh) tetapi pembesar-pembesar Melayu yang mendapat hasil daripada lombong-lombong antimoni tersebut. Antimoni dapat dipasarkan di Singapura dengan harga yang tinggi dan ini membawa

kekayaan kepada pembesar-pembesar Melayu dan nakhoda-nakhoda Melayu. Perdagangan Sarawak juga meningkat.

Kerajaan Brunei mula memandang bahawa Sarawak harus ditadbir secara langsung supaya kekayaannya dapat disalurkan kepada ibu kota Brunei. Seorang pembesar Brunei, Pengiran Indera Mahkota dihantar untuk melaksanakan dasar ini, tetapi pemerintahannya ditentang oleh orang Melayu dan Dayak Darat sehingga pemberontakan meletus dari 1836 sehingga 1840. Dalam keadaan inilah maka James Brooke dapat menguasai Sarawak asal.¹¹ Pada tahun 1841 beliau dilantik sebagai wakil sultan Brunei di Sarawak dan beliau diberi monopolii atas lombong-lombong antimoni. Selepas tahun 1841, lombong-lombong antimoni diusahakan di Paku, Jambusan, Bidi dan Bau. Lombong-lombong tersebut dikerjakan oleh pekerja-pekerja Cina dan Melayu, dan pengeluaran telah meningkat kepada lebih kurang 1,500 tan pada tahun-tahun 1840-an. Pada tahun-tahun 1950-an dua buah kilang melabur antimoni dibina, satu di Kuching dan satu lagi di Buso, kepunyaan Borneo Company. Selepas Bahagian Kedua dan Ketiga diperolehi oleh Sarawak pada tahun 1853, antimoni juga diusahakan di Lundu, Semarahan, Sadong, Batang Lumar, Sarikei dan Hulu Rejang. Dari tahun 1824 sehingga 1880, sebanyak 83,000 tan bijih antimoni telah dihasilkan.¹² Tetapi oleh kerana simpanan antimoni menjadi semakin kekurangan, perusahaannya tidak lagi menguntungkan dan industri tersebut merosot pada penghujung abad ke-19.

Perlombongan Emas

Perlombongan emas juga merupakan satu kegiatan ekonomi tradisional. Emas dilombong oleh orang Melayu dan Dayak di anak-anak sungai dengan mendulang dan menalung. Tetapi perlombongan emas menjadi satu hasil yang penting di Sarawak hanya pada tahun-tahun 1820-an semasa emas dijumpai di kawasan Bau. Orang Cina dari Sambas telah berhijrah ke kawasan Bau dan telah membentuk sebuah kongsi untuk menjalankan perlombongan secara besar-besaran. Pada tahun-tahun 1850-an bilangan penduduk kongsi Cina di Bau telah meningkat kepada 4,000 orang oleh kerana kedatangan ramai pelarian dari Sambas di mana mereka telah memberontak terhadap pihak

Belanda. Raja James Brooke cuba mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas kongsi Cina di Bau khasnya dalam hal-hal pembayaran cukai, penyeludupan cандu dan kegiatan kongsi gelap. Tindakan ini membawa kepada meletusnya pemberontakan Cina pada tahun 1857. Orang Cina dari Bau telah menyerang Kuching dan sebahagian besar Bandar itu dibakar. Tetapi James Brooke dan anak saudaranya Charles Brooke kemudiannya telah mematahkan pemberontakan ini dengan bantuan orang Melayu dan orang Iban dari Skrang. Serangan atas kongsi Cina di Bau adalah begitu dahsyat sehingga orang Cina terpaksa melarikan diri ke Sambas. Tetapi hampir-hampir kesemua anggota kongsi ini terbunuh di tangan orang Iban, ataupun mati dalam perjalanan.¹³ Maka perlombongan emas terbantut selepas peristiwa ini sehingga tahun-tahun 1899-1921. Pada masa inilah perlombongan emas menjadi penting lagi sekali.

Industri Sagu

Perkembangan politik, iaitu penguasaan Sarawak ke atas Mukah pada 1863 telah menambah satu lagi industri bagi Sarawak, iaitu industri sagu. Sebenarnya sagu diusahakan oleh orang Melanau sejak turun temurun kerana bahan ini menjadi makanan ruji mereka.

Pada kurun ke-19 permintaan antarabangsa bagi sagu meningkat. Satu daripada sebabnya adalah kerana sagu dari Sarawak dapat dipasarkan di Singapura. Oleh kerana permintaan yang besar dan harga yang tinggi maka orang Melanau mula menanam pokok sagu di kebun-kebun kecil untuk dieksport. Kawasan penempatan orang Melanau seperti sungai-sungai Oya, Mukah, Igan dan Balingian muncul sebagai sumber utama pengeluaran sagu pada pertengahan kurun ke-19.¹⁴

Walaupun sagu dihasilkan di sungai-sungai tersebut, sagu terpaksa diproses sebelum dapat dieksport. Memandangkan potensi industri ini, orang Cina telah membina beberapa kilang untuk memproses sagu di Kuching pada tahun-tahun 1840-an. Orang Melayu menguasai perdagangan sagu pada waktu ini. Mereka merupakan pembeli dan pengangkut utama sagu mentah dari kawasan Melanau ke Kuching. Selain daripada kilang-kilang Cina, Borneo Company juga telah membina sebuah kilang mengandungi jentera wap yang mahal.¹⁵ Pada

hal Borneo Company telah banyak membayai kos kempen-kempen James Brooke dan kedua-dua hampir-hampir mengalami kemufusan. Untuk menyelamatkan kedudukan ekonomi Sarawak dan kedudukan kewangan Borneo Company, James Brooke beranggapan bahawa pengambilan “sungai-sungai sagu” adalah mustahak. Dasar ekspansionisme ke sungai-sungai ini membawa kepada meletusnya “Krisis Mukah” pada 1860. Kesannya pada tahun 1863 James Brooke berjaya mengambil alih sungai-sungai tersebut dari Sultan Brunei.¹⁶

Nilai eksport sagu mula bertambah selepas ini dan industri sagu, khasnya dari segi perdagangan dan memproses, mula dikuasai oleh orang Cina. Sagu merupakan eksport utama Sarawak pada kurun ke-19; malah Sarawak muncul sebagai pembekal sagu yang amat penting di dunia.

Hasil Hutan

Satu lagi kegiatan ekonomi tradisional yang penting pada tahap ini adalah kutipan dan perdagangan hasil hutan. Di antara hasil hutan yang penting adalah gutta perca, damar, rotan engkabang dan kapur barus. Beberapa kawasan di Sarawak menjadi pengeluar utama bahan-bahan tersebut seperti sungai-sungai Batang Lumar, Saribas, Kerian, Rejang dan Baram. Hasil-hasil hutan ini dikumpul oleh beberapa suku kaum bumiputra, termasuklah orang Iban, orang Melayu, orang Bisaya, orang Kayan dan orang Kenyah. Orang Melayu pada masa ini menjadi pedagang utama bahan ini. Hasil hutan dikumpul oleh kaum bumiputra di kawasan hulu dan nakhoda-nakhoda Melayu memperolehi bahan-bahan tersebut daripada mereka dan kemudiannya menjual hasil-hasil ini di Kuching, atau mengeksport ke Singapura. Walaupun demikian pada penghujung abad ke-19, peranan mereka diambil alih oleh pedagang Cina yang mempunyai modal yang lebih dan menggunakan cara-cara yang lebih agresif.¹⁷

Raja Charles Brooke (1868-1917) memandang hasil hutan sebagai satu sumber yang penting bagi ekonomi Sarawak pada tahap ini dan cuba menggalakkan perkembangannya. Pada tahun-tahun 1870-an dan 1880-an, beliau telah menggalakkan penghijrahan orang Iban ke Rejang, Balleh, Trusan dan Baram dengan tujuan supaya orang Iban dapat

memajukan kegiatan pengumpulan hasil hutan di tempat-tempat tersebut.¹⁸

Walaupun hasil hutan telah memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Sarawak pada tahap ini, sistem tradisional tidak dapat memajukan kegiatan ini dengan pesat dan percubaan kerajaan Brooke untuk bergantung kepada dinamisme ekonomi tradisional menjadi hampa. Industri hasil hutan menjadi lebih maju hanya pada tahap kedua, semasa Raja Charles Brooke memulakan dasar-dasar baru.

Tahap Peralihan, 1880 - 1910

Ciri-ciri Utama

Zaman pada hujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 boleh disifatkan sebagai zaman peralihan dalam sejarah pertumbuhan ekonomi di Sarawak kerana beberapa perkembangan baru. Pada tahap ini ekonomi Sarawak mula dikuasai oleh komuniti Cina; bahan-bahan tanaman baru seperti lada hitam, gambir dan getah diperkenalkan; dan ekonomi Sarawak mula menjadi separuh kapitalis, bercorak komersial dan ekonomi eksport. Amarjit Kaur menggelar tahap ini sebagai tahap permulaan ekonomi eksport di Sarawak dan menerangkan beberapa sifat tahap ini seperti berikut:¹⁹

The late nineteenth and early twentieth centuries saw the Borneo territories acquiring many of the basic characteristics of the present economy: commercialised mineral and agricultural production, a wage labour force, an institutionalized bureaucracy, an infrastructure and governments oriented towards the promotion of material progress. In this formation of an export economy, the main elements, capital, entrepreneurship, and wage labour had an external origin and were concentrated in enclaves. As a matter of fact, in the interior regions, foreign involvement was relatively limited. Nevertheless, by the second decade of the twentieth century especially with the introduction of rubber, the indigenous people came to play a part in the productive system of the country.

Beberapa perubahan dan kegiatan ekonomi penting pada tahap peralihan ini dibincangkan di bawah.

Peranan Komuniti Cina Mula Meningkat

Raja Charles Brooke yakin bahawa hanya terdapat satu cara sahaja untuk membangun ekonomi Sarawak jika Kapitalisme Barat tidak dibenarkan membuat sedemikian. Ini adalah dengan menggalakkan kemasukan imigran Cina secara besar-besaran. Selepas pemberontakan Cina pada tahun 1857, bilangan mereka telah berkurangan. Pada tahun 1871 terdapat lebih kurang 5,000 orang Cina di Sarawak.²⁰ Charles Brooke membuat rancangan membawa masuk imigran Cina dengan tujuan memajukan sektor pertanian, khasnya penanaman padi dan tanaman-tanaman komersial yang lain. Imigran-imigran Cina diberi beberapa kemudahan dan keistimewaan seperti tambang perjalanan, tanah yang mencukupi dengan pembayaran yang amat murah, "allowance" bulanan dan kawalan polis. Beransur-ansur dasar ini berjaya dan imigran Cina mula datang ke Sarawak dari Singapura, negeri China dan Kalimantan. Beberapa petempatan orang Cina, khasnya dari negeri China ditubuhkan, misalnya petempatan orang Hakka di sekitar Kuching, orang Foochow dan Cantonese di Sibu dan orang Henghua di Igan. Bilangan penduduk Cina di Sarawak meningkat dengan pesat sehingga pada tahun 1909 terdapat 45,000 orang Cina. Pada tahun 1939 bilangan orang Cina adalah 123,626 orang daripada jumlah penduduk Sarawak keseluruhannya seramai 490,806 orang. Perkembangan ini telah mengubah corak demografi Sarawak secara radikal.²¹

Imigran-imigran Cina tidak begitu berminat untuk memajukan penanaman padi, dan lebih tertarik kepada penanaman tanaman komersial seperti lada hitam, gambir dan kemudiannya getah. Mereka juga mencebur diri dalam industri-industri tradisional seperti industri sagu, hasil hutan dan perlombongan dan menjadi cergas dalam bidang perdagangan tempatan dan antarabangsa.

Komuniti Cina diaturkan mengikut dialek masing-masing dan Persatuan Dialek (Dialect Associations) memainkan peranan penting menjaga kebajikan mereka. Tiap-tiap kumpulan loghat juga melahirkan

syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang besar dan mencebur diri dalam kegiatan ekonomi yang luas. Orang Hokkien di Kuching mewujudkan syarikat-syarikat seperti Eng Hai, Swee Ee, Ban Hock dan Chin Hock Bee. Orang Teochu di Kuching mempunyai syarikat seperti Ghee Soon, Ghee Seng Soon, Ngee Seng Heng dan Ghee Hong Seng. Selain daripada kegiatan yang disebutkan di atas, syarikat-syarikat ini juga terlibat dalam perkапalan, estet-estet getah dan memegang monopoli pajakan, candu, arak, judi dan kedai pajak gadai.²²

Boleh dikatakan ekonomi Sarawak mula berkembang dengan lebih sempurna. Pendapatan kerajaan bertambah; bandar-bandar baru serta yang lama juga menunjukkan kemajuan yang agak pesat, dan sedikit sebanyak kemajuan juga berlaku dalam bidang infrastruktur, pendidikan dan kemudahan sosial. Dari segi kesan terhadap masyarakat bumiputra, orang Cina mula mengambil alih peranan orang bumiputra dalam ekonomi, sehingga mereka berjaya mendominasi bidang ini.

Perubahan Dalam Industri-industri Tradisional, 1880-1910

Industri Sagu

Pada tahap ini industri-industri tradisional seperti industri sagu, hasil hutan dan perlombongan emas mula berkembang dengan lebih pesat oleh kerana beberapa sebab. Ini termasuklah keterlibatan orang Cina, dan permintaan yang lebih tinggi. Orang Cina telah memperluaskan kegiatan mereka dalam industri sagu dengan menembusi kawasan-kawasan pengeluaran bahan ini secara langsung. Mereka juga menambah kilang-kilang untuk memproses sagu mentah sehingga terdapat sepuluh buah kilang di Kuching sahaja pada tahun 1899.²³ Dengan mendapat sagu secara langsung dari punca pengeluaran, dengan menggunakan perkапalan sendiri, dengan menggunakan teknik memproses yang murah, dengan terdapat hubungan yang rapat dengan pedagang di Singapura, orang Cina telah memusnahkan pesaing-pesaing lain seperti pedagang Melayu dan Borneo Company. Kemajuan dalam industri sagu dapat dilihat dari segi peningkatan nilai eksport sagu dari tahun 1870 sehingga 1907. Nilai tersebut meningkat dari 128,025 (*Straits Dollars*) pada tahun 1870 kepada 964,266 (*Straits Dollars*) pada tahun 1907. Pada tahun-tahun 1930-an dan 1940-an pengeluaran sagu

masih penting, tetapi ianya tidak lagi merupakan eksport utama Sarawak pada masa ini.²⁴

Hasil Hutan

Nilai hasil hutan juga meningkat pada masa ini oleh kerana permintaan antarabangsa yang baik dan harga yang tinggi. "Engkabang boom" pada awal abad ke-20 misalnya menambahkan lagi pendapatan orang Iban secara nyata di Bahagian Kedua dan membawa kepada kemajuan Bandar Semanggang secara pesat. Begitu juga, harga rotan dan gutta perca yang tinggi pada masa ini telah membawa kekayaan kepada lembah Rejang dan Baram. Bandar Marudi di lembah Baram membangun dengan pesat oleh kerana perdagangan hasil hutan meningkat dengan nyata. Boleh dikatakan kedua-dua komuniti Cina dan Iban mendapat faedah daripada industri hasil hutan pada tahap ini.²⁵

Perlombongan Emas

Perlombongan emas juga menjadi penting semula pada masa ini. Tetapi perlombongannya dimajukan oleh Borneo Company dan bukan oleh orang Cina. Ini adalah kerana kebanyakan emas di permukaan tanah telah habis dilombong oleh komuniti Cina dan bumiputra dan mereka tidak mempunyai kaedah, jentera dan modal untuk menggali di bawah tanah. Pada tahun-tahun 1882 dan 1900, Borneo Company telah membawa jentera-jentera yang lebih moden untuk melombong dan memproses emas di Bau dan Bidi. Pada tahun 1908 pula syarikat tersebut membuka lombong emas yang besar di Tai Parit. Dari tahun 1899 sehingga 1921, sejumlah emas yang terbesar dihasilkan di Sarawak bernilai 25,955,222 Straits Dollars. Selepas tahun 1921, perlombongan emas mula merosot.²⁶

Permulaan Tanaman Komersial

Lada Hitam

Di samping kemajuan dalam beberapa industri tradisional masa ini, tahap ini juga memperlihatkan kemunculan tanaman-tanaman baru secara komersial, seperti lada hitam dan gambir. Tanaman lada hitam secara komersial mula diusahakan pada penghujung abad ke-19 oleh imigran-imigran Cina, khasnya orang Foochow di Sibu, Binatang dan Sarikei dan oleh orang Hakka di sekitar Kuching, Serian dan Bau. Borneo Company juga mencebur diri dalam industri ini. Nilai eksport lada hitam pada tahun 1896 adalah 230,693 *Straits Dollars*. Pada tahun 1907 Sarawak telah menjadi satu daripada pengeksport utama lada di dunia.²⁷

Gambir

Gambir juga mula ditanam secara komersial oleh orang Cina dan Borneo Company pada penghujung abad ke-19. Gambir menjadi bahan yang keempat pentingnya dalam eksport Sarawak pada masa ini. Nilai eksport gambir pada tahun 1895 adalah 210,433 *Straits Dollars*. Walaupun demikian, kepentingan lada hitam dan gambir mula menurun pada awal abad ke-20.²⁸

Era Baru, 1910-1941

Industri Getah

Pada tahap ini ekonomi Sarawak dikuasai oleh getah dan petroleum yang menjadi penyumbang utama kepada pendapatan kerajaan. Nilai eksport bertambah dan secara kasarnya melebihi nilai import. Ekonomi Sarawak menjadi lebih maju, tetapi perkembangan antarabangsa, khasnya fenomena “booms” dan “depressions” mula memainkan pengaruh yang kuat atas keadaan ekonomi Sarawak.

Getah mula ditanam secara komersial di Sarawak pada tahun 1902. Walaupun demikian, estet-estet besar tidaklah menjadi ciri utama perusahaan getah di Sarawak. Ini berkait rapat dengan keengganan Charles Brooke untuk membenarkan kapitalis Barat melabur dalam

industri ini, selain daripada Borneo Company. Penanaman getah diusahakan oleh orang Cina, Melayu, Iban dan Melanau. Lebih daripada sembilan puluh peratus getah ditanam di kebun-kebun kecil, dan yang baki di estet-estet yang lebih besar kepunyaan syarikat-syarikat Cina dan Borneo Company. Menjelang tahun 1941 terdapat kira-kira 240,000 ekar yang ditanam dengan getah. Lebih kurang 220,000 ekar adalah merupakan kebun kecil di mana 51 peratus adalah kepunyaan bumiputra dan yang baki orang Cina.²⁹

Getah menjadi tanaman yang penting pada tahun-tahun 1910-an dan muncul sebagai industri yang penting pada tahun-tahun 1920-an. Semasa zaman kemelesetan dunia pada tahun 1930-an, harga getah telah jatuh dengan ketara dan kerajaan terpaksa mengenalkan Skim Sekatan Getah Antarabangsa atau *International Rubber Restriction Scheme* pada tahun 1934, walaupun skim tersebut memberi perlindungan yang lebih besar kepada estet-estet besar kepunyaan orang Barat.³⁰

Petroleum

Petroleum muncul sebagai bahan yang amat penting dalam ekonomi Sarawak dari tahun-tahun 1920-an sehingga Perang Dunia Kedua. Galian secara komersial dimulakan pada 1910 di Miri dan telaga pertama dinamakan "Miri Well". Pada tahun 1913 eksport pertama berjumlah 500 tan telah dilakukan. Oleh kerana industri ini memerlukan teknologi yang kompleks dan modal yang besar, maka Kerajaan Sarawak terpaksa menyerahkan operasinya kepada syarikat Barat. Syarikat yang diberi lesen untuk mengendalikan pengeluaran petroleum di Sarawak adalah syarikat Petroleum Anglo-Saxon yang kemudian mengambil nama Sarawak Oilfields and Shell Company. Pengeluaran petroleum di Miri meningkat tahun demi tahun. Pada tahun 1912 pengeluaran adalah 5,534 tan dan angka ini bertambah menjadi 146,729 tan pada tahun 1920. Untuk proses penapisan minyak, Lutong dijadikan pusat pada tahun 1917. Industri petroleum bukan sahaja menukar wajah ekonomi Sarawak secara keseluruhannya, tetapi secara lebih khusus, membawa kepada kemajuan yang pesat kepada Bandar Miri dan Laitong. Industri petroleum sampai kemuncaknya pada tahun 1929 dan mula merosot selepas itu kerana telaga-telaga yang lebih berpotensi dijumpai di

kawasan berhampiran Brunei.¹¹ Keadaan ekonomi Sarawak pada tahap kedua dan ketiga, khasnya dari segi nilai eksport dan import, dan pendapatan kerajaan boleh dilihat daripada Jadual 1 dan 2.

Jadual 1
Nilai Import dan Eksport Sarawak pada
Tahun-tahun Tertentu, 1871-1940 (Straits Dollars)

Tahun	Import (\$)	Eksport (\$)
1871	1,427,923	1,268,337
1875	1,264,200	1,275,961
1880	1,854,257	1,880,444
1885	1,834,603	1,693,805
1929	2,726,657	34,689,890
1932	9,698,808	13,573,872
1935	16,661,079	21,109,410
1940	32,645,192	45,770,407

Sumber: *Sarawak Gazette*, 12 May, 1887; Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 48; dan Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, hlm. 96.

Jadual 2
Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan
Sarawak Pada Tahun-tahun Tertentu, 1870-1940 (*Straits Dollars*)

Tahun	Pendapatan (\$)	Perbelanjaan (\$)
1870	122,842	126,161
1877	185,552	169,769
1880	229,718	203,583
1887	350,813	366,541
1897	564,789	504,101
1900	915,666	901,172
1907	1,441,195	1,359,273
1917	1,705,292	1,395,746
1926	6,357,835	4,765,606
1930	5,562,034	7,089,923
1933	3,558,580	3,301,234
1936	5,494,069	4,406,230
1940	7,463,314	5,018,006

Sumber: Baring-Gould and Bampylde, *A History of Sarawak*, hlm. 425; Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, hlm. 91; dan Reece, *The Name Of Brooke*, hlm. 47.

Rumusan

Seperti yang digalurkan, pertumbuhan ekonomi Sarawak dari tahun 1824 hingga 1941 telah berkembang berperingkat-peringkat, mengikut keadaan politik, dasar-dasar raja-raja Brooke, keadaan masyarakat tempatan dan perkembangan-perkembangan antarabangsa.

Tahap pertama merupakan zaman di mana sistem ekonomi tradisional menonjol dengan sedikit kemasukan modal Barat. Tetapi eksperimen ini tidak memuaskan dan Rajah Charles terpaksa mencari penyelesaian baru. Memandangkan falsafah Raja-raja Brooke yang tidak mahu menggalakkan kemasukan kapitalis Barat secara besar-besaran dan keadaan ekonomi Sarawak masih mundur, Raja Charles Brooke membuat keputusan untuk membawa masuk ramai imigran

Cina. Dasar ini mula dilaksanakan pada tahun-tahun 1880-an dan kemasukan orang Cina secara beramai-ramai telah menukar wajah ekonomi dan demografi Sarawak. Faktor lain juga turut membawa kemajuan seperti permintaan yang lebih besar di pasaran antarabangsa bagi komoditi-komoditi Sarawak; peranan Singapura; dan perkembangan industri getah. Boleh dikatakan secara 'relative' kemajuan ekonomi Sarawak lebih memuaskan pada tahap kedua dan ketiga. Walaupun orang Cina mula mendominasi ekonomi Sarawak pada tahap kedua dan ketiga, masyarakat bumiputra juga mula mencebur diri dalam ekonomi komersial, khasnya penanaman getah. Lebih daripada 50 peratus kebun-kebun getah adalah kepunyaan kaum bumiputra.

Pada tahap-tahap ini bandar-bandar seperti Kuching, Sibu dan Miri juga mengalami perkembangan yang pesat. Sistem infrastruktur, kemudahan sosial dan pendidikan memperlihatkan kemajuan sederhana. Walaupun demikian, kemajuan ekonomi Sarawak jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan Negeri-negeri Melayu. Sarawak masih merupakan negeri pekebun-pekebun kecil, tanpa penanaman modal kapitalis Barat yang besar, walaupun dalam beberapa sektor, kapital Cina telah memainkan peranan yang mungkin dimainkan oleh kapital Barat jika dibenarkan.

Nota

- 1 Lihat karya-karya seperti Stephen Runciman, *The White Rajahs; A History of Sarawak from 1841 to 1946*, Cambridge: Cambridge University Press, 1960; Robert Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*, London: Macmillan and Company, 1970; dan S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak under its Two White Rajahs*, London: Henry Sotheran and Company, 1909. Satu perkecualian adalah tulisan-tulisan Benedict Sandin seperti *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*, London: Macmillan and Company, 1967.
- 2 R.H.W. Reece, *The Name of Brooke; The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 128-140.
- 3 Lihat karya-karya seperti A.H. Moy-Thomas, "Economic Development under the Second Rajah (1870-1917)", *Sarawak Museum Journal (SMJ)*, Vol. 10, Nos. 17-18, 1961, hlm. 50-58; Craig Lockard, "Charles Brooke and the foundations of the Modern Chinese Community in Sarawak", *SMJ*, Vol. 19 Nos. 38-39, 1971, hlm. 77-107; Daniel Chew, *Chinese Pioneers on the Sarawak Frontier 1841-1941*, Singapore: Oxford University Press, 1990; dan Ooi Keat Gin, *Of Free Trade and Native Interests: The Brookes and the Economic Development of Sarawak 1841-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997; dan Amarjit Kaur, *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak since 1850*, London: Macmillan Press, 1998.
- 4 Lihat Ooi Keat Gin, *Of Free Trade and Native Interests*, hlm. 23-63; Baring-Gould and Bampfylde, *A History of Sarawak*, hlm. 87-88; Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 1-12; Robert M. Pringle, "The Brookes of Sarawak: Reformers in Spite of Themselves", *SMJ*, Vol. 19, Nos. 38-39, 1971, hlm. 56; dan Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke, Monarch of All He Surveyed*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 113-133.
- 5 Bagi tafsiran ini lihat Daniel Chew, *Chinese Pioneers*, hlm. 181-199.
- 6 Perbincangan yang lebih lanjut mengenai beberapa perkara seperti ini terkandung dalam artikel saya berjudul "Filling the Gaps on Brooke Rule", *Sunday Star*, May 26, 1998, hlm. 15.
- 7 Lihat Runciman, *The White Rajahs*; Pringle, *Rajah and Rebels*; Crisswell, *Lihat Runciman, The White Rajahs; Pringle, Rajah and Rebels*; Crisswell, *Rajah Charles Brooke*; dan Baring-Gould and Bampfylde, *A History of Sarawak*.

- ⁸ Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 123-124, dan Amarjit Kaur, *Economic Change in East Malaysia*, hlm. 20-24.
- ⁹ *Ibid.*, hlm. 137-138. Individu tersebut adalah Angela Burdett-Coutts.
- ¹⁰ Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm. 11.
- ¹¹ D.S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival*, Singapore: Oxford University Press, 1984, hlm. 45-52.
- ¹² J. Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, Singapore: Malaya Publishing House, 1949, hlm. 126-128; James C. Jackson, *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri yang Sedang Membangun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hlm. 155-164.
- ¹³ Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 119-133; dan Criswell, *Rajah Charles Brooke*, hlm. 40-60.
- ¹⁴ H.S. Morris, "Melanau Sagu", *Sagu 76, the First International Sagu Symposium: The Equatorial Swamp as a Source*, Kuala Lumpur: Kemajuan Kanji, 1976, hlm. 121-139; dan Jackson, *Sarawak*, hlm. 111.
- ¹⁵ Morris, "Melanau Sagu", hlm. 127.
- ¹⁶ Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983*, hlm. 59-67.
- ¹⁷ Daniel Chew, *Chinese Pioneers*, hlm. 63-97; Richard H. Goldman, "Beginnings of the Commercial Development in the Baram and Marudi Following the Cession of 1882", *Sarawak Gazette*, March 31, 1968, Vol. XCIV, No. 1321, hlm. 61-62.
- ¹⁸ Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm. 247-282.
- ¹⁹ Amarjit Kaur, *Economic Change in East Malaysia*, hlm. 20.
- ²⁰ Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 207.
- ²¹ Keece, *The Name of Brooke*, hlm. 142; John Chin, *The Sarawak Chinese*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981, hlm. 53-65; dan Lockard, "Charles Brooke", *SMJ*, 85-100.
- ²² C.A. Lockard, "The Southeast Asian Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970", Ph.D. Thesis, University of Wisconsin, 1973, hlm. 201.
- ²³ *Ibid.*, hlm. 129.
- ²⁴ Baring-Gould and Bampfylde, *A History of Sarawak*, hlm. 430.
- ²⁵ Daniel Chew, *Chinese Pioneers*, hlm. 63-97; Goldman "Beginnings of the Commercial Development", hlm. 61-62.
- ²⁶ A.H. Everett, "Notes on the Distribution of Useful Minerals in Sarawak", *Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, July 1878, hlm. 16-18; dan Hepburn, *The Handbook*, hlm. 126-128.

- " Jackson, Sarawak, hlm. 104; Daniel Chew, *Chinese Pioneers*, hlm. 43-47, dan *Sarawak Gazette*, April 1, 1897.
- " *Sarawak Gazette*, April 1, 1897.
- " R.A. Crambs and R.H.W. Reece, *Development in Sarawak: Historical and Contemporary Perspectives*, Monash University, 1988, hlm. 29-32 dan 113.
- " Amarjit Kaur, *Economic Change in East Malaysia*, hlm. 48-54; Daniel Chew, *Chinese Pioneers*, hlm. 170-174; dan D.J.M. Tate, *The Making of Modern South-East Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, Vol. 2, hlm. 261-264.
- " G.C. Harper, "The Miri Field, 1910-1972", *SMJ*, vol. XX, Nos. 40-41, 1972, hlm. 23-31; *Shell in Sarawak*, The Public Affairs Department of Shell Malaysia, 1985, hlm. 11-25.